

SOALAN LAZIM DUTI SETEM
PERMOHONAN PENYETEMAN MELALUI e-DUTI SETEM
SISTEM TAKSIR SENDIRI DUTI SETEM (STSDS)
(TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2025)

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS LHDNM
Pengenalan Duti Setem		
1.	Apakah itu duti setem?	Duti setem ialah cukai langsung yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas surat cara bertulis tertentu seperti perjanjian sewa, perjanjian pinjaman, perjanjian jual beli serta surat cara undang-undang lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Setem 1949.
2.	Mengapa duti setem perlu dibayar?	Duti setem perlu dibayar bagi memastikan sesuatu surat cara adalah sah dan boleh diterima sebagai bukti di sisi undang-undang, termasuk untuk digunakan di mahkamah sekiranya berlaku pertikaian.
3.	Adakah semua surat cara dikenakan duti setem?	Tidak. Hanya surat cara yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949 sahaja yang tertakluk kepada duti setem.
4.	Adakah surat cara dalam bentuk digital atau elektronik dikenakan duti setem?	Ya. Surat cara dalam bentuk elektronik juga dianggap sebagai surat cara bertulis dan tertakluk kepada pengenaan duti setem.
Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS)		
5.	Apakah itu Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS)?	STSDS ialah sistem yang membolehkan pembayar duti menaksir sendiri duti setem yang perlu dibayar ke atas sesuatu surat cara tanpa perlu menunggu notis taksiran daripada LHDNM.
6.	Apakah perbezaan STSDS dengan taksiran formal?	STSDS : Pembayar duti mengisi BNDS dan membuat taksiran duti setem secara sendiri. Bayaran duti boleh dibuat selepas BNDS berjaya dihantar. Taksiran Secara Formal : Pembayar duti mengisi BNDS dan menghantar permohonan untuk diproses oleh LHDNM. Bayaran duti setem hanya boleh dibuat setelah Notis Taksiran dikeluarkan.

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS LHDNM
7.	Bilakah STSDS mula dilaksanakan?	STSDS dilaksanakan secara berfasa bermula 01 Januari 2026.
8.	Apakah surat cara yang terlibat dalam Fasa Pertama STSDS?	Fasa Pertama melibatkan surat cara di bawah kategori Penyeteman Am, Sekuriti dan Sewa / Pajakan .
TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR DUTI		
9.	Siapakah yang bertanggungjawab membayar duti setem?	Individu atau pihak yang bertanggungjawab membayar duti setem adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga Akta Setem 1949 . Sila rujuk Garis Panduan Teknikal: Pengenalan Duti Setem Di Bawah Akta Setem 1949 bertarikh 06 November 2025 di pautan https://www.hasil.gov.my/media/1bpb5zhf/20251106-garis-panduan-pengenalan-duti-setem-di-bawah-akta-setem-1949.pdf
10.	Adakah saya perlu mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN) untuk urusan duti setem?	Ya. Semua pembayar duti atau wakil perlu mempunyai TIN untuk urusan duti setem, termasuk semua pihak yang terlibat dalam perjanjian.
11.	Bolehkah saya melantik wakil untuk menguruskan penyeteman duti setem?	Ya. Pembayar duti boleh melantik wakil atau ejen yang diberi kuasa untuk menguruskan proses penyeteman bagi pihak mereka.
12.	Apakah tanggungjawab utama pembayar duti setem?	Pembayar duti bertanggungjawab untuk : • Memilih jenis penyeteman yang betul • Mengisi maklumat dalam BNDS dengan tepat seperti isi kandungan surat cara • Membuat bayaran duti dalam tempoh yang ditetapkan • Menyimpan rekod berkaitan dalam tempoh tujuh (7) tahun
AKSES SISTEM e-DUTI SETEM		
13.	Bagaimanakah cara untuk mengakses e-Duti Setem mulai 01 Januari 2026?	Pengguna boleh log masuk melalui : • Portal MyTax • Portal e-Duti Setem
14.	Bagaimanakah cara untuk log masuk melalui Portal Mytax?	Portal MyTax Log masuk dengan ID & kata laluan MyTax Navigasi: MyTax > Perkhidmatan ezHasil > Duti Setem > e-Duti Setem

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS LHDNM
15.	Bagaimanakah cara untuk log masuk melalui Portal e-Duti Setem?	Portal e-Duti Setem Navigasi ke portal e-Duti Setem di pautan https://stamps.hasil.gov.my Log masuk dengan ID & kata laluan STAMPS
BORANG NYATA DUTI SETEM (BNDS)		
16.	Apakah itu Borang Nyata Duti Setem (BNDS)?	BNDS ialah borang yang digunakan untuk membuat permohonan penyeteman dan mengisytiharkan maklumat surat cara bagi tujuan pengiraan duti setem yang dikemukakan melalui e-Duti Setem.
17.	Bagaimanakah pengiraan duti setem dibuat di bawah STSDS?	Sistem akan mengira duti setem secara automatik berdasarkan maklumat yang telah diisi oleh pembayar duti di dalam BNDS.
TEMPOH PENYETEMAN DAN TAKSIRAN		
18.	Bilakah surat cara perlu dikemukakan untuk disetamkan?	Surat cara perlu dikemukakan untuk disetamkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat cara tersebut ditandatangani.
19.	Bagaimanakah tempoh penyeteman bagi surat cara yang ditandatangani di luar Malaysia?	Surat cara tersebut perlu dikemukakan untuk disetamkan dalam tempoh 30 hari selepas surat cara diterima buat pertama kalinya di Malaysia.
20.	Apakah yang dimaksudkan dengan taksiran disifatkan?	Taksiran disifatkan bermaksud duti setem dianggap telah ditaksir oleh Pemungut pada tarikh BNDS dikemukakan.
21.	Bilakah bayaran duti setem perlu dibuat selepas BNDS dihantar?	STSDS: Bayaran duti setem perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh BNDS dihantar. Taksiran Formal: Bayaran duti setem perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran dikeluarkan.
TATACARA PENYETEMAN MELALUI STSDS		
22.	Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan penyeteman?	Berikut adalah tatacara permohonan penyeteman: • Log masuk ke MyTax • Pilih Perkhidmatan ezHasil > Duti Setem > e-Duti Setem • Pilih peranan (individu/ ejen) • Klik menu Borang Permohonan > Penyeteman

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS LHDNM
		- Pilih jenis penyeteman yang berkaitan - Isi BNDS serta memuat naik surat cara berkaitan. Manual pengguna boleh dirujuk dan dimuat turun di Portal e-Duti Setem melalui pautan https://stamps.hasil.gov.my
23.	Apakah lampiran / surat cara yang perlu dimuat naik?	Lampiran yang perlu dimuat naik adalah: - Surat cara yang ingin disetamkan - Dokumen sokongan berkaitan (sekiranya ada)
24.	Adakah saya boleh menyemak jumlah duti setem sebelum menghantar BNDS?	Ya. Sistem akan memaparkan rumusan pengiraan duti setem dan deraf BNDS. Pembayar duti WAJIB menyemak dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan dalam BNDS adalah tepat dan teratur sebelum BNDS dihantar.
BAYARAN DUTI SETEM DAN SIJIL SETEM		
25.	Apakah kaedah bayaran duti setem yang disediakan?	Bayaran duti setem boleh dibuat secara dalam talian melalui: - FPX - eTT (<i>Virtual Account</i>) - Portal perbankan Public Bank Berhad dan CIMB (CIMB BizChannel sahaja) melalui Perkhidmatan <i>Bill Payment</i>
26.	Apakah tindakan pembayar duti selepas bayaran duti setem dibuat?	Pembayar duti perlu memuat turun dan mencetak Sijil Setem untuk dikepilkan pada surat cara yang berkaitan sebagai bukti rasmi bahawa bayaran duti setem telah dibuat dan surat cara telah disetamkan sewajarnya.
27.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya Sijil Setem gagal dicetak atau hilang?	Pembayar duti boleh menghubungi LHDNM melalui: - Borang maklum balas di Portal rasmi HASiL di pautan https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/ ; atau - Pejabat Setem berhampiran untuk bantuan janaan semula Sijil Setem.

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS LHDNM
28.	Bolehkah Sijil Setem dimuat turun atau dicetak lebih daripada sekali?	Sijil Setem hanya boleh dicetak sekali sahaja di Portal e-Duti Setem. Walau bagaimanapun, sekiranya Sijil Setem yang dimuat turun telah disimpan dalam bentuk <i>pdf</i> , ia boleh dicetak semula.
PINDAAN, RAYUAN DAN BAYARAN BALIK		
29.	Bolehkah saya membetulkan kesilapan maklumat dalam BNDS?	Ya. Permohonan pembetulan maklumat boleh dibuat sekiranya terdapat kesilapan atau maklumat tidak lengkap melalui menu Borang Permohonan > Pembetulan Maklumat Am .
30.	Bolehkah saya membuat bantahan atau rayuan terhadap taksiran?	Ya. Bantahan atau rayuan terhadap taksiran boleh dibuat dalam tempoh yang ditetapkan melalui menu Borang Permohonan > Rayuan, dengan memilih jenis Rayuan Taksiran .
31.	Bagaimana saya boleh membuat permohonan bayaran balik duti setem?	Permohonan bayaran balik boleh dibuat melalui menu Borang Permohonan > Bayaran Balik .
32.	Adakah terdapat tempoh tertentu untuk memohon bayaran balik duti setem?	Secara umumnya permohonan bayaran balik perlu dibuat dalam tempoh 24 bulan dari tarikh surat cara ditandatangani. Walaupun bagaimanapun, terdapat peruntukan tertentu di bawah Akta Setem 1949 yang menyatakan tempoh permohonan bayaran balik duti setem secara khusus berdasarkan senario tertentu.
KESALAHAN, PENALTI DAN AUDIT		
33.	Adakah penalti dikenakan jika tersalah isi BNDS?	Bagi tahun pertama pelaksanaan STSDS, tiada penalti dikenakan ke atas kesalahan: • Mengemukakan BNDS yang tidak betul • Memberikan maklumat tidak tepat yang memberi kesan kepada pengenaan duti. Maklumat lanjut boleh dirujuk pada Garis Panduan Permohonan Penyeteman Melalui Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) di pautan: https://www.hasil.gov.my/media/1umbwe0w/20251226-garis-panduan-operasi-permohonan-penyeteman-melalui-sistem-taksir-sendiri-duti-setem.pdf

BIL	SOALAN	MAKLUM BALAS LHDNM
34.	Apakah kesan sekiranya surat cara lewat disetamkan?	Sekiranya surat cara tidak disetamkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut: • RM50.00 atau 10% daripada duti yang berkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; • RM100.00 atau 20% daripada duti yang berkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan selepas 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; Kadar di atas berkuat kuasa mulai dari 01/01/2025
35.	Adakah pembayar duti boleh diaudit oleh LHDNM?	Ya. LHDNM boleh menjalankan audit ke atas surat cara dan rekod berkaitan duti setem di dalam simpanan pembayar duti. Sila rujuk Rangka Kerja Audit Duti Setem di pautan: https://www.hasil.gov.my/perundangan/rangka-kerja/
36.	Berapa lama surat cara dan rekod berkaitan perlu disimpan?	Surat cara dan rekod berkaitan penyeteman duti setem perlu disimpan sekurang-kurangnya selama tujuh (7) tahun dari tarikh surat cara disetamkan.